

July 2016



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK

72nd
ISSUE

info kampus



SOARING
UPWARDS
MALAYSIAN HIGHER EDUCATION

ISSN 2232-1578



9 772232 157005



Pada 4 hingga 6 Mac yang lalu telah berlangsung Pertandingan Deklamasi Puisi peringkat UiTM SeMalaysia 2016 di Dewan Recital Panca Sakti Pusat Kebudayaan Shah Alam. Sejumlah 11 kampus UiTM telah menghantar penyertaan bagi kategori siswa dan siswi. UiTM Sarawak telah menghantar dua orang pelajar bagi kategori siswa dan siswi di mana pelajar Sarjana Muda Sains (Kepujian) Kimia, Cik Sakinah bt Bujang telah berjaya dinobatkan sebagai Naib Juara, Kategori Siswi. Walau bagaimanapun UiTM Sarawak tidak berjaya mendapat tempat bagi kategori siswa disebabkan persaingan yang agak sengit. Tahniat Cik Sakinah kerana telah mengharumkan nama UiTM Sarawak. Kepada yang tidak berjaya, cuba lagi di masa hadapan.

Ekspo Selangkah ke UiTM (ESKU) 2016 Meriah

Ekspo Selangkah ke UiTM (ESKU) merupakan satu program khas yang diadakan secara besar-besaran di setiap kampus UiTM di seluruh Malaysia, bersesuaian dengan pengambilan pelajar baharu pada setiap semester. Bagi UiTM Cawangan Sarawak, ESKU telah diadakan di Dewan Jubli Kampus Samarahan 1 pada 11-13 Mac 2016 yang lalu.

Program ini diadakan bertujuan untuk menyediakan 'one stop centre' kepada calon pelajar lepasan SPM untuk mendapat maklumat yang terperinci mengenai program-program pengajian yang ditawarkan di UiTM Sarawak. Ini bagi memudahkan para pelajar lepasan SPM untuk membuat pilihan kursus yang tepat dan bersesuaian dengan kelayakan keputusan SPM, minat dan prospek kerjaya mereka pada masa akan datang.

Para pensyarah dari 17 fakulti di UiTM Sarawak yang telah turun padang dalam memberi penerangan dan khidmat nasihat terus kepada bakal-bakal pelajar yang hadir di expo ini. Lebih daripada 5000 pengunjung telah hadir ke expo yang berlangsung selama 3 hari itu.



BAUCER BUKU 1 MALAYSIA (BB1M) 2016

Oleh: Yeo Jiin Yih

Menerusi Bajet 2016, pemberian Baucar Buku 1Malaysia (BB1M) kepada institusi pendidikan tinggi masih diteruskan bagi tahun 2016. Inisiatif ini dirangka untuk meringankan beban perbelanjaan pembelian buku pengajian. Selain daripada itu, inisiatif ini dijangka dapat memupuk minat membaca di kalangan rakyat Malaysia. Bahagian Pengurusan Kewangan Pelajar UiTM Sarawak telah mengagihkan Baucer buku 1 Malaysia tahun 2016 kepada pelajar-pelajar UiTM Sarawak pada 17 dan 18 Mac 2016, dari pukul 8.30 pagi sampai 4.30 petang. Pelajar dari Samarahan 1 menuntut baucer buku di Bilik Sarjana, Kampus Samarahan 1, manakala pelajar dari Samarahan 2 menuntut baucer buku di perpustakaan Tun Abdul Razak, Samarahan 2. Diharapkan tujuan program ini dapat membantu para pelajar mengurangkan beban untuk mendapatkan buku atau alat pembelajaran yang mereka gunakan.





Corporate Communications & International Relations

Universiti Teknologi MARA Sarawak
Jalan Meranek, 94300 Kota Samarahan,
Peti Surat 1258, 93312 Kuching,
Sarawak, Malaysia

Tel: 082 - 677 200 | Fax: 082 - 677 300
E-mail: corporate@sarawak.uitm.edu.my
www.sarawak.uitm.edu.my